

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000**

**FEBRUARI 2000**

**RMK 354 – Undang-Undang Binaan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

1. Demi menjamin persetujuan bertulis yang dibuat oleh pihak-pihak dalam kontrak (kerja, bekalan, perkhidmatan dan lain-lain), yang kerap kali dibuat oleh pihak-pihak berkenaan, maka diperkenalkan perjanjian yang menggunakan format seragam. Namun format seragam kontrak ini mempunyai kebaikan-kebaikan dan kelemahan-kelemahan tersendiri, dan kadangkala pihak yang memperkenalkannya memasukkan klausa-klausa (fasal-fasal) yang nampaknya tidak munasabah. Namun hal ini boleh dielakkan jika “konsep kemunasabahan” diambilkira. Bincangkan.

( 20 MARKAH )

2. Setiap projek yang akan dilaksanakan ada risiko yang tersendiri. Cuma isu besar, kecil, jauh, dekat, dapat dilihat atau tidak, dan lain-lain perlulah dikenalpasti dan seterusnya diuruskan. Bincangkan.

( 20 MARKAH )

3. “Bon pelaksanaan amat penting bagi menjamin pelaksanaan projek yang lancar, baik dan mengikut yang dipersetujui”.

Huraikan secara menyeluruh mengenai apa dia bon pelaksanaan, ciri, kewujudan dan tempoh sahlaku bon serta modus operandi penguatkuasaannya.

( 20 MARKAH )

...2/-

4. Dikatakan lebih kurang 75% dari aktiviti pelaksanaan kontrak kerja pembinaan akan dilakukan oleh subkontraktor. Bincangkan keperluan kewujudan subkontraktor di dalam pelaksanaan projek serta konsep hubungan undang-undangnya di antara subkontraktor dan kontraktor yang berbentuk vikarius.

( 20 MARKAH )

5. Ahli profesional projek amat penting bagi projek. Apa yang dimaksudkan "ahli profesional", bagaimana kewujudannya, dan apakah perlunya seseorang ahli profesional mendaftar?

( 20 MARKAH )

6. Kebajikan pekerja amatlah ditekankan oleh undang-undang. Bincangkan.

( 20 MARKAH )

7. Huraikan proses timbangtara yang lazim dilalui jika terjadi pertikaian semasa pelaksanaan kerja kontrak.

( 20 MARKAH )

oooOooo